

# Dasar pelantikan KM Pulau Pinang kekal

PM tidak fikir buat perubahan walaupun ada pihak cadang

BH - 12/8/2006

Oleh Sariha Mohd Ali

**K**UANTAN: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam, menegaskan dasar yang sedia ada berhubung pelantikan Ketua Menteri Pulau Pinang tidak akan diubah, walaupun ada pihak mahu ia dilakukan secara giliran.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak pernah memikirkan untuk membuat perubahan terhadap dasar sedia ada berhubung perkara itu dan ia akan dikekalkan.

"Dasar sekarang... tak ada perubahan yang difikirkan mengenai perkara itu," katanya selepas melawat Projek Perumahan Rakyat (PPR) Sewa Rumah Pangsa Kos Rendah Per-

matang Pak Mahat, di sini, petang semalam.

Turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob; dan Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Pusat Pertumbuhan Pahang, Datuk Soffi Abdul Razak.

Mesyuarat Bahagian Pemuda Umno Nibong Tebal, Ahad lalu meluluskan usul untuk membangkitkan cadangan penggiliran jawatan Ketua Menteri Pulau Pinang pada persidangan perwakilan bahagian itu, esok.

Cadangan yang dikemukakan Ketua Pemuda Umno bahagian itu, Shafie Kasim, mendapat sokongan sebulat suara semua perwakilan.

Bagaimanapun, Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon,

yang tidak mahu perkara itu dijadikan isu, meminta Pemuda Umno lebih berhati-hati dan mengkaji mendalam tuntutan itu sebelum dibangkitkan pada mesyuarat Umno Bahagian.

Mengulas mesyuarat Umno Bahagian yang sudah bermula di seluruh

**“Dasar sekarang... tak ada perubahan yang difikirkan mengenai perkara itu”**

**Abdullah Ahmad Badawi**  
Perdana Menteri

negara, Abdullah berkata, semua pihak perlu mengikut peraturan dengan tidak menimbulkan kekacauan atau melakukan pergaduhan.

"Saya nasihatkan semua ahli Umno ikut peraturan, jangan kacau... jangan gaduh sudahlah. Mengenai mereka yang meletak jawatan, itu sebab hal lain... hal peribadi mereka dan tak ada kena mengena dengan parti," katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, pembinaan PPR Sewa Rumah Pangsa Kos Rendah yang dibina Kerajaan Pahang dengan keluasan 750 kaki persegi seunit adalah lebih besar berbanding 650 kaki persegi dibina Kerajaan Pusat di seluruh negara.



## Pak Lah hadiri jamuan makan malam Umno Pahang

DATUK Seri Abdullah Ahmad Badawi malam tadi menghadiri perjumpaan tertutup dengan ahli jawatankuasa Badan Perhubungan Umno Pahang selama tiga jam di dewan kediaman Menteri Besar Pahang. Terdahulu daripada itu, Perdana Menteri menikmati jamuan makan malam bersama pemimpin Umno negeri sempena lawatannya ke Pahang.

Hadir sama Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak; Menteri Sains Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Jamaludin Jarjis dan Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib. Selepas mendengar tamat taklimat tertutup itu, Abdullah berlepas pulang ke Kuala Lumpur bagi menamatkan lawatan rasmi dua hari ke Pahang.